

# Kertas Bil. 6/2024



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN,  
KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN  
KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA  
KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA)  
BERHUBUNG PUSAT ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM  
NEGERI SELANGOR**

---

## **KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	3
4	Penemuan Jawatankuasa	5
5	Saranan Jawatankuasa	6
6	Perakuan	8
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	9
	Urus setia	10
	Lampiran I (Wakil Agensi / Individu Yang Hadir Dalam Taklimat	11

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita Serta Kesejahteraan Hidup (JPK – SEJAHTERA) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) - (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2024 pada 27 Februari 2024 hingga 11 Mac 2024.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. JPK–SEJAHTERA telah dibentuk di bawah peruntukan perkara 71 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor untuk meneliti perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu perubahan iklim, kebajikan, kesihatan, pendidikan, pembangunan keluarga, agama, dan wanita, serta kesejahteraan hidup.
- 2.2. Dalam mesyuarat JPK–SEJAHTERA Bilangan 1/2023 pada 13hb Disember 2023, YB Pengurus telah mempelawa Ahli-ahli Jawatankuasa untuk menyenaraikan perkara-perkara yang wajar disiasat oleh Jawatankuasa.
- 2.3. Antara isu yang dibangkitkan adalah rancangan adaptasi perubahan iklim Kerajaan Negeri Selangor kerana Ahli Jawatankuasa berpandangan kebanyakannya inisiatif sedia ada tertumpu kepada usaha-usaha mitigasi kesan-kesan perubahan iklim dan tidak ada cukup tumpuan diberikan kepada usaha untuk mengadaptasi infrastruktur dan masyarakat dengan perubahan iklim yang sedang berlaku.
- 2.4. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai inisiatif sedia ada Kerajaan Negeri Selangor tentang rancangan adaptasi perubahan iklim, Jawatankuasa bersetuju untuk menjemput YB EXCO Kesihatan Awam dan Perubahan Iklim, YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin untuk memberikan penerangan kepada Jawatankuasa.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

- 2.5. Taklimat oleh YB EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar ini telah diadakan pada jam 2:30 petang, 16 Januari 2024 di Bilik Mesyuarat Pejabat Dewan Negeri Selangor, Wisma Dewan Negeri Selangor (mesyuarat JPK-SEJAHTERA Bil. 1/2024).
- 2.6. Selain YB EXCO, pihak-pihak berikut juga telah dijemput hadir dalam sesi taklimat kepada Jawatankuasa:
  - 2.6.1. Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
  - 2.6.2. Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (SPBT UPEN)
  - 2.6.3. Unit Pengurusan Bencana (UPB)
  - 2.6.4. Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)
- 2.7. Ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:
  - 2.7.1. YB Puan Mariam Binti Abdul Rashid  
(N42 Meru)
  - 2.7.2. YB Tuan Chua Wei Kiat  
(N14 Rawang)
  - 2.7.3. YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran  
(N34 Bukit Gasing)
  - 2.7.4. YB Tuan Dr. Quah Perng Fei  
(N45 Bandar Baru Klang)
  - 2.7.5. YB Puan Pua Pei Ling  
(N37 Bukit Lanjan)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**3. KETERANGAN**

- 3.1. Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Selangor bagi mengurus dan mendepani segala kemungkinan termasuk bencana akibat perubahan iklim. Susulan daripada itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 13/2022 bertarikh 18 Mei 2022 telah meluluskan secara dasar untuk menubuhkan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negeri Selangor atau IKLIMSELANGOR.
- 3.2. Agenda utama IKLIMSELANGOR adalah:
  - 3.2.1. Merangka perancangan dasar dan strategi yang holistik di peringkat negeri yang merangkumi pelbagai sektor serta langkah-langkah mitigasi dan adaptasi dalam menangani isu perubahan iklim.
  - 3.2.2. Memperkuuh dan mempertingkatkan keupayaan institusi dan agensi pelaksana melalui penyelarasaran tindakan-tindakan dasar yang bersepadu bagi membawa agenda kelestarian alam sekitar.
  - 3.2.3. Menerajui perkara berkaitan hala tuju alam sekitar dan perubahan iklim, penyelarasaran dan pelaksanaan rancangan pembangunan negeri, serta program dan inisiatif yang meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman awam terhadap isu perubahan iklim.
- 3.3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 27/2022 pada 19hb Oktober 2022 telah bersetuju dan meluluskan cadangan pembangunan Dasar dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Negeri Selangor 2030.
- 3.4. Sebagai sebahagian dari cadangan ini, **IKLIMSELANGOR dicadangkan untuk dinaiktaraf menjadi Pusat Adaptasi Perubahan Iklim** yang akan bertanggungjawab untuk mengenalpasti tindakan bersepadu yang perlu diambil untuk mencapai sasaran pembangunan yang berdaya tahan dengan kesan-kesan akibat dari perubahan iklim dan memenuhi aspirasi Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang pintar, makmur, dan berdaya huni.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

- 3.5. Kajian telah dilaksanakan oleh IKLIMSELANGOR bersama dengan Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI–UKM) sejak 1 Disember 2022 untuk merangka dan menyediakan garis panduan bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, dan agensi-agensi negeri untuk menghadapi kesan-kesan perubahan iklim di Selangor.
- 3.6. Tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dikaji dalam kajian fasa pertama ini. Kawasan yang dipilih ini mewakili tiga kategori kawasan-kawasan di Selangor; Majlis Perbandaran Kuala Selangor (kawasan pesisiran pantai), Majlis Bandaraya Shah Alam (kawasan hibrid / lembangan sungai), dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (kawasan hulu sungai dan tanah cerun).
- 3.7. Jawatankuasa mengambil maklum taklimat oleh pihak NAHRIM dan SPBT UPEN dan antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:
  - 3.7.1. NAHRIM tidak menentukan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri, sebaliknya NAHRIM hanya mengumpul data dan membuat perkiraan model perubahan iklim untuk membantu pihak kerajaan negeri bagi melaksanakan pelan adaptasi perubahan iklim di Negeri Selangor.
  - 3.7.2. Garis Panduan untuk Pelan Adaptasi Negeri Selangor sudah diterbitkan oleh pihak NAHRIM dan pihak/agensi lain yang akan melaksanakannya.
  - 3.7.3. NAHRIM tidak keberatan untuk menyertai kumpulan pelaksana bagi projek pusat adaptasi sekiranya dijemput oleh pihak Kerajaan Negeri. NAHRIM berpandangan pembentangan pelan projek pusat adaptasi oleh kerajaan negeri bagi menghadapi perubahan iklim yang akan dilaksanakan ini lebih menjurus kepada Teknologi Hijau. NAHRIM bersedia membantu untuk memberi input ke arah penambahbaikan gerak kerja Pusat Adaptasi Perubahan Iklim.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

- 3.7.4. NAHRIM berkeupayaan untuk mengenalpasti infrastruktur kritikal yang akan terkesan dengan perubahan iklim untuk tindakan oleh agensi pelaksana dalam membuat persediaan. Pihak pelaksana boleh merujuk kepada kerangka kerja yang disediakan oleh NAHRIM untuk menentukan mekanisme ke arah pelaksanaan projek tersebut.
- 3.7.5. Pihak UPEN mengambil maklum tentang pandangan oleh NAHRIM dan menjelaskan bahawa mereka sedang mengkaji dan meneliti konsep pusat adaptasi dengan bantuan NAHRIM sebagai sumber rujukan.
- 3.7.6. Jawatankuasa difahamkan pelan perancangan untuk skop kerja Pusat Adaptasi Perubahan Iklim setakat ini lebih tertumpu kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif teknologi hijau, langkah-langkah mitigasi perubahan iklim, dan kempen kesedaran terhadap isu-isu perubahan iklim.

**4. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 4.1. Jawatankuasa mendapati rangka kerja dan fungsi Pusat Adaptasi Perubahan Iklim masih dalam proses untuk dimuktamadkan.
- 4.2. Jawatankuasa mendapati keutamaan pihak kerajaan dalam rancangan penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim adalah seperti berikut:  
(kenyataan YB EXCO dalam mesyuarat JPK-SEJAHTERA Bil. 1/2024)
- 4.2.1 “Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor ini bertujuan dijadikan sebagai pusat rujukan ataupun centre hub untuk Sektor Swasta, Persatuan-Persatuan, Badan Bukan Kerajaan dan sebagainya sekiranya terdapat kekeliruan yang berlaku.
- 4.2.2 Selain itu, Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor juga berfungsi untuk melakukan pengauditan terhadap usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor, Agensi-Agenzi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membuat persediaan untuk menghadapi perubahan iklim supaya dapat diselaraskan.”

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

- 4.2.3 "Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor akan menyediakan laporan yang berkaitan dengan teknologi hijau dan memberi input pada garis panduan undang-undang kecil dan sebagainya."
- 4.3 Kajian Pusat Adaptasi Perubahan Iklim juga didapati dijalankan tanpa melibatkan pihak NAHRIM yang mempunyai data-data penting mengenai kesan-kesan perubahan iklim terhadap landskap negeri Selangor.
- 4.4 Walaubagaimanapun, Jawatankuasa mendapati usaha-usaha kerajaan negeri untuk mengatasi kesan perubahan iklim tidak melibatkan koordinasi antara jabatan dan agensi untuk mewujudkan satu pelan adaptasi yang komprehensif.

**5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Jawatankuasa mendapati rancangan dan skop kerja Pusat Adaptasi Perubahan Iklim seperti yang dibentangkan oleh YB EXCO boleh ditambah baik dan terdapat keperluan untuk adanya rancangan adaptasi perubahan iklim yang menyeluruh di peringkat Kerajaan Negeri Selangor.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan agar kerajaan dapat memastikan semua usaha-usaha adaptasi perubahan iklim diselaraskan oleh Pusat Adaptasi Perubahan Iklim yang akan ditubuhkan di Negeri Selangor ini dengan melibatkan **semua agensi dan jabatan kerajaan serta pemegang taruh yang berkaitan.**
- 5.3 Bidang-bidang yang harus diberikan tumpuan oleh Pusat Adaptasi Perubahan Iklim meliputi aspek berikut:
- 5.3.1 pelaksanaan rancangan melindungi kawasan penanaman padi yang berisiko ditenggelami air atau kekurangan air,
- 5.3.2 risiko banjir di kawasan bandar/perumahan di kawasan luar bandar,
- 5.3.3 memastikan sumber air terjamin dengan memantau paras empangan akibat kemarau,

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

- 5.3.4 memastikan keselamatan dan fungsi semua infrastruktur utiliti terjamin, seperti loji rawatan dan rumah pam air, sistem pembentungan, loji janakuasa elektrik, sistem komunikasi, dan sistem-sistem berkaitan,
- 5.3.5 menangani kesan perubahan iklim berkaitan kenaikan paras air laut,
- 5.3.6 memastikan aspek pertanian yang berisiko terancam kesan daripada perubahan iklim yang disebabkan daripada perubahan taburan air hujan dan kenaikan suhu,
- 5.3.7 memastikan kelestarian aktiviti perikanan, dan
- 5.3.8 memastikan keterjaminan fungsi perkhidmatan-perkhidmatan awam terutama di kawasan bandar.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**6. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh JPK–SEJAHTERA dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2024 pada 1 Februari 2024.

Disahkan oleh:



**Y.B. Puan Mariam Binti Abdul Rashid**

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita serta Kesejahteraan Hidup  
(JPK – SEJAHTERA)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama dan Wanita serta Kesejahteraan Hidup (JPK – SEJAHTERA)

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1) | YB Puan Mariam Binti Abdul Rashid<br>(N42 Meru)       | Pengerusi |
| 2) | YB Tuan Chua Wei Kiat<br>(N14 Rawang)                 | Ahli      |
| 3) | YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran<br>(N34 Bukit Gasing)   | Ahli      |
| 4) | YB Tuan Dr. Quah Perng Fei<br>(N45 Bandar Baru Klang) | Ahli      |
| 5) | YB Puan Pua Pei Ling<br>(N37 Bukit Lanjan)            | Ahli      |
| 6) | YB Tuan Sallehein Bin Mukhyi<br>(N02 Sabak)           | Ahli      |
| 7) | YB Dato' Harrison Bin Hassan<br>(N12 Jeram)           | Ahli      |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM,  
KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN  
WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT  
ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**URUS SETIA**

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi  
Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin  
Pegawai Penyelidik Kanan
- 5) Encik Mohamad Najmi Bin Abd Razak  
Penyelidik Pejabat Speaker
- 6) Cik Sarmila A/P A.Viseinthiran  
Penyelidik Pejabat Speaker
- 7) Cik Siti Khadijah Maarof  
Pegawai Penyelaras

**PENYATA JAWATANKUASA KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR**

---

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI WAKIL AGENSI / INDIVIDU YANG HADIR DALAM TAKLIMAT**

**Pejabat EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar, Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor**

- |    |                                   |                    |
|----|-----------------------------------|--------------------|
| 1) | YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin | YB EXCO            |
| 2) | Puan Yap Yu Xuan Alydia           | Pegawai Dasar EXCO |

**Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)**

- |    |   |                         |
|----|---|-------------------------|
| 1) | Tuan Ir. Mohd Zaki bin Mat Amin             | Ketua Pengarah          |
| 2) | Tuan Ir. Ts. Ahmad Hadi bin Mohamed Rashidi | Pegawai Penyelidik BKP  |
| 3) | Encik Noor Hisham bin Ab. Ghani             | Pegawai Penyelidik PKSA |

**Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN**

- |    |                                    |                         |
|----|------------------------------------|-------------------------|
| 1) | Puan Shazila binti Sharudin        | Penolong Pengarah       |
| 2) | Puan Nur Alina Arni binti Md Morni | Penolong Pegawai Tadbir |

**Unit Pengurusan Bencana / JPS**

- |    |                                |                           |
|----|--------------------------------|---------------------------|
| 1) | Encik Mohd Ikram bin Rahimi    | Ketua Penolong Setiausaha |
| 2) | Encik Mohd Khardzir bin Husain | Timb Pengarah JPS         |

**Jabatan Meteorologi Malaysia**

- |    |                    |                         |
|----|--------------------|-------------------------|
| 1) | Tuan Ambun Dindang | Timbalan Ketua Pengarah |
|----|--------------------|-------------------------|